



## Tempoh pengajian 44 program universiti dipendekkan kepada 3 tahun - Khaled Nordin

Jun 4, 2023 @ 3:18pm



Khaled Nordin melawat sebuah bas yang terdapat fasiliti pemeriksaan gigi selepas majlis penutup 'Jom Masuk U' di Universiti Malaya hari ini. - foto BERNAMA

KUALA LUMPUR: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) mengenal pasti 44 program pengajian di sembilan institusi pengajian tinggi awam (IPTA) untuk dipendekkan tempoh pengajian daripada empat tahun kepada tiga tahun.

Menteri, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin, berkata pemendekan tempoh pembelajaran itu akan dapat membantu mengurangkan jumlah pinjaman atau kos pengajian yang perlu ditanggung oleh pelajar.

"Pada masa sama, ia membuka peluang untuk graduan memasuki pasaran kerja setahun lebih awal," katanya pada Majlis Penutupan Jom Masuk U di Dewan Tunku Canselor, Universiti Malaya, hari ini.

Beliau berkata langkah berkenaan adalah usaha berterusan KPT dalam mengemas kini dan menyusun program dan jurusan yang ditawarkan oleh IPT di seluruh negara dengan cara terbaik serta menguntungkan semua pihak.

Pada sidang media selepas majlis penutupan itu, Mohamed Khaled berkata pemendekan tempoh pengajian itu hanya membabitkan program dan jurusan IPTA yang bermula tahun ini.

### **10,000 mahasiswa B40 dikecualikan yuran di 20 universiti awam**

Mengulas Program Pembangunan Siswa Sulung (SULUNG) yang mula dilaksanakan tahun lalu, beliau berkata 10,000 mahasiswa yang juga wakil pertama daripada keluarga B40 akan dikecualikan sepenuhnya yuran pengajian di semua 20 universiti awam.

"Inisiatif ini akan memberi implikasi kewangan keseluruhan kira-kira RM30 juta kepada semua universiti awam," katanya.

Program SULUNG diperkenalkan KPT bertujuan memberikan peluang dan kemudahan kepada generasi pertama yang cemerlang dalam kalangan keluarga B40 melanjutkan pengajian ke menara gading. – BERNAMA